



**PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**



KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Tawaran Sebut Harga adalah dipelawa kepada syarikat / pembekal yang sah berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah Kod Bidang seperti berikut:

BIL.	NO. SEBUTHARGA	BUTIR-BUTIR BEKALAN/PERKHIDMATAN	KOD BIDANG PENDAFTARAN	TARIKH & WAKTU TUTUP
1	MDA/SH/05/2018	SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PEMBANGUNAN PORTAL RASMI PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA.	210102 210103 210104 (wajib berdaftar dalam kod bidang di atas untuk menyertai sebut harga)	Tarikh: 7 Jun 2018 Masa: 12.00 tengah hari Tawaran Sebut Harga yang dihantar selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN

2. Syarikat yang berminat menyertai tawaran sebut harga ini hendaklah mempunyai pengalaman dalam **Pembangunan Portal/Laman Web Agensi Kerajaan dalam jangka masa tiga (3) tahun ke belakang (2015 hingga kini) khususnya yang melibatkan:**
- i) Pematuhan kepada Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2/2015: Garis Panduan Pengurusan Laman Web Agensi Sektor Awam yang dikeluarkan pihak MAMPU;
 - ii) Pematuhan kepada Kriteria Penilaian Provider Based Evaluation (ProBE) yang dikeluarkan pihak MDEC;
 - iii) Pakar rujuk/perunding/jurulatih dalam pembangunan portal/laman web agensi kerajaan yang dilantik/diiktiraf oleh pihak MAMPU/INTAN/MDEC.
3. Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi pada waktu pejabat dari **9.00 pagi hingga 4.00 petang** mulai **30 Mei 2018** di Pihak Berkuasa Peranti Perubatan, Aras 6, Prima 9, Prima Avenue II, Blok 3547, Persiaran APEC, 63000 Cyberjaya, Selangor.
4. Syarikat yang ingin menyertai tawaran sebut harga hendaklah menunjukkan **SIJIL ASAL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN** dalam kod bidang seperti di atas dan **SIJIL TARAF BUMIPUTERA** (jika bertaraf bumiputra) yang dikeluarkan oleh KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA dan menyerahkan satu Salinan (fotostat) sijil-sijil berkenaan semasa mendapatkan Dokumen Sebut Harga tersebut.
5. Dokumen Sebut Harga yang lengkap hendaklah dihantar secara **MANUAL** seperti Arahan Dalam Dokumen Sebut Harga dan dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Sebut Harga dan dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga ()** yang ditetapkan di pejabat Pihak Berkuasa Peranti Perubatan, Aras 6, Prima 9, Prima Avenue II, Blok 3547, Persiaran APEC, 63000 Cyberjaya, Selangor.
6. Pelaksanaan perolehan sebut harga ini hanya dijalankan secara **MANUAL** sahaja dan **TIDAK** melibatkan ePerolehan. Pihak Berkuasa tidak terikat menerima Sebut Harga yang terdedah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Tawaran Sebut Harga.